



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGAJARAN JUMLA *TISMIYYAH* DAN JUMLA *FI'LIYYAH* DALAM  
MATA PELAJARAN BAHASA ARAB KBSM DI SALAH SEBUAH  
SEKOLAH MENENGAH AGAMA KUALA KUBU BHARU**

**JANUAR KHAIRUL BAKAR BIN BURHANUDDIN ALI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (BAHASA ARAB)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran *Jumlat Ismiyyah* dan *Jumlat Fi'liyah*. Di samping itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran *Jumlat Ismiyyah* dan *Jumlat Fi'liyah* terhadap pelajar-pelajar bahasa Arab dan menyenaraikan bahan pengajaran yang berkesan untuk diguna pakai semasa proses pengajaran berjalan. Kajian ini dilaksanakan di salah sebuah sekolah agama di Hulu Selangor iaitu Sekolah Agama menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu. Metod yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kualitatif. Instrumen yang digunakan dalam pengumpulan data ialah melalui pemerhatian dalam bilik darjah dengan merekod pengajaran secara rakaman video. Sesi temu bual juga telah dilakukan bagi memperoleh data yang lebih terperinci kerana keadaan ini akan memberikan gambaran yang mendalam tentang sesuatu situasi, di samping menjelaskan lagi perkara-perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata. Bahan-bahan bercetak seperti rancangan mengajar harian dan buku latihan pelajar juga dijadikan instrumen dalam kajian ini. Dapatkan kajian ini guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran beliau. Guru menggunakan peta minda sebagai bahan bantu mengajar bagi meningkatkan daya pemerhatian para pelajar. Hasil kajian ini akan dapat membantu meningkatkan prestasi pengajaran guru bagi memberi kefahaman terhadap pelajar dalam memahami *Jumlat Ismiyyah* dan *Jumlat Fi'liyyah*.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

pustaka.upsi.edu.my



PustakaTBainun

ptbupsi  
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

## PENGAJARAN JUMLA TISMIYYAH DAN JUMLA FI'LIYYAH DALAM MATA PELAJARAN BAHASA ARAB KBSM DI SALAH SEBUAH SEKOLAH MENENGAH AGAMA KUALA KUBU BHARU

### ABSTRACT

The purpose of this study is to identify methods used by the teachers in teaching *Jumla $\underline{t}$  Ismiyyah* and *Jumla $\underline{t}$  Fi'liyah*. In addition, it also helps to identify the problems faced by the teachers in teaching *Jumla $\underline{t}$  Ismiyyah* and *Jumla $\underline{t}$  Fi'liyah* to the Arabic language learners. This study will provide effective amount of *Jumla $\underline{t}$  Ismiyyah* and *Jumla $\underline{t}$  Fi'liyah* teaching materials being used during teaching process. This study was conducted at one of the religious schools in Hulu Selangor known as Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu. This study utilised qualitative method. The instruments used in data collection is based on classroom observation through recorded teaching by using video recording. Several interviews are also carried out to obtain more detailed data hence this situation will provide a deep insight on the related situation, besides to further clarify the things that are invisible to the eye. Printed materials such as lesson plans and students' exercise books are also served as an instrument in this study. The findings of this research show, the teacher is still using traditional methods in her teaching. They use mind maps as teaching aids to improve student's ability to observe. This research outcomes will help to improve the teachers' teaching performance in providing understanding among the students in comprehending the topics learned.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shahptbupsi  
vi

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN</b>	ii
-----------------	----

<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
------------------------------------	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	vii
------------------	-----



<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
----------------------	-----

<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xv
-----------------------------	----

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
--------------------------	-------

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
-------------------------	-------------------------------------

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	17





1.7.1 Tempat Kajian	18
1.7.2 Sampel Kajian	19
1.7.3 <i>Jumlat Ismiyyah</i> dan <i>Jumlat Fi liyyah</i>	19
1.8 Kesimpulan	21

## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	22
-----------------	----

2.2 Pengajaran Bahasa	23
-----------------------	----

2.2.1 Pengajaran Bahasa Kedua	25
-------------------------------	----

2.2.2 Pendekatan Pengajaran Bahasa	29
------------------------------------	----

2.2.2.1 Pendekatan Deduktif	30
-----------------------------	----

2.2.2.2 Pendekatan Induktif	31
-----------------------------	----

2.2.2.3 Pendekatan Eklektif	32
-----------------------------	----

2.2.2.4 Pendekatan Komunikatif	33
--------------------------------	----

2.3 Pengajaran Bahasa Arab	34
----------------------------	----

2.4 Pembentukan Ciri-Ciri Asas Ayat Bahasa Arab	42
---	----

2.4.1 Genus (النوع)	42
---------------------	----

2.4.2 Bilangan (العدد)	44
------------------------	----

2.4.3 Al-Nakirat (النكرة)-Indefinite) dan Al-Ma'rifat (المعرفة)-Definite)	46
---	----

2.4.4 Infleksi (الإعراب) Dan Susunan Perkataan (Word Order)	48
---	----

2.4.5 Kesuaian (المطابقة)	50
---------------------------	----

2.4.6 Masa dan Kala (الزمن)	51
-----------------------------	----

2.5 Jumlat Ismiyyat	54
---------------------	----

2.5.1 Jenis-jenis Predikat	60
----------------------------	----

2.5.1.1 Predikat Tunggal (الخبر مفرد)	60
---------------------------------------	----





2.5.1.1.1 Predikat Tunggal Bilangan Satu ( مُفْرَد )	60
2.5.1.1.2 Predikat Tunggal Bilangan Dua ( مُشَتَّتٌ ) dan Gandaan ( جَمْعٌ )	61
2.5.1.1.3 Predikat Tunggal Bilangan Ramai ( جَمْعٌ )	62
2.5.1.2 Predikat Dalam Bentuk Ayat ( الخبرُ جملة )	62
2.5.1.2.1 Jenis Predikat Berbentuk Ayat	63
2.5.1.2.1.1 Predikat Ayat Nama ( الخبرُ جملة إسمية )	63
2.5.1.2.1.2 Predikat Ayat Perbuatan ( الخبرُ جملة فعلية )	64
2.5.1.2.1.3 Predikat Frasa Kata Depan ( الخبرُ شبه الجملة )	65
2.6 Jumlah Fi'liyyat ( الجملة الفعلية )	67
2.6.1 Komponen-Komponen Ayat Fi'liyyat	68
2.6.1.1 Kata Kerja Tunggal ( إفراد الفعل )	69
2.6.1.2 Kata Kerja Tak Transitif ( الفعل اللازム )	72
2.6.1.3 Kata Kerja Transitif ( الفعل المتعي )	73
2.6.1.4 Pelaku ( الفاعل )	73
2.6.1.5 Objek ( المفعول به )	77
2.7 Kesimpulan	81
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	83
3.2 Kaedah Kajian	83
3.3 Reka Bentuk Kajian	87
3.4 Latar Lokasi Kajian	89
3.5 Latar Belakang Responden Kajian	92
3.5.1 Pemilihan Peserta Kajian	92





3.5.2 Ciri Pemilihan Peserta Kajian	94
-------------------------------------	----

3.5.3 Latar Peserta Kajian	96
----------------------------	----

3.5.4 Perwatakan Ustazah Yusliza	97
----------------------------------	----

3.5.5 Pemilihan Kelas	97
-----------------------	----

3.6 Jangka Masa Kajian Di Lapangan	99
------------------------------------	----

3.7 Langkah Memasuki Lapangan Kajian	100
--------------------------------------	-----

3.8 Proses Pengumpulan Data Kajian	101
------------------------------------	-----

3.8.1 Borang Pemerhatian	102
--------------------------	-----

3.8.2 Temu bual	105
-----------------	-----

3.8.2.1 Temu bual formal	107
--------------------------	-----

3.8.3 Bukti Dokumen	108
---------------------	-----

3.8.4 Prosedur Analisis Data	109
------------------------------	-----



3.8.4.2 Analisis Selepas Pengutipan Data	111
--	-----

3.8.4.2.1 Analisis Data Kualitatif Dengan Perisian ATLAS.Ti	111
---	-----

3.8.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	113
------------------------------------	-----

3.8.5.1 Kesahan Dalaman	114
-------------------------	-----

3.8.5.2 Kesahan Luaran	114
------------------------	-----

3.9 Kesimpulan	115
----------------	-----

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	116
-----------------	-----

4.2 Strategi Pengajaran Guru	117
------------------------------	-----

4.2.1 Guru bercakap lebih daripada pelajar semasa pengajaran.	117
---	-----

4.2.2 Pengajaran ditujukan kepada seluruh kelas.	129
--	-----

4.2.3 Buku teks merupakan panduan pengajaran guru dalam kelas.	136
--	-----





4.2.4 Setiap tajuk dalam pengajaran ditentukan oleh guru	144
<b>4.3 Kaedah Pengajaran Guru</b>	<b>148</b>
4.3.1 Kaedah Tatabahasa Terjemahan	149
4.3.2 Kaedah Pengulangan	153
4.3.3 Kaedah Induktif	155
<b>4.4 Masalah Pengajaran</b>	<b>157</b>
4.4.1 Sikap Dalaman Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab	157
4.4.2 Penguasaan Kosa Kata Yang Lemah	158
4.4.3 Aktiviti Yang Padat	158
4.4.4 Pengabaian Konteks Penggunaan Tatabahasa	159
<b>4.5 Panduan Pendekatan Pengajaran Jumlat Ismiyyah Dan Jumlat Fi'liyah</b>	<b>160</b>
4.5.1 Penggunaan Tatabahasa Dengan Pendekatan Komunikatif	161
4.5.2 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	162
4.5.2.1 Peta Minda	163
4.5.2.2 Papan Putih	164
4.5.2.3 Buku Teks	165
4.5.3 Penggunaan Pola Ayat Secara Intensif	167
<b>4.6 Kesimpulan</b>	<b>169</b>

## BAB 5 RUMUSAN, APLIKASI DAN CADANGAN

<b>5.1 Pendahuluan</b>	<b>170</b>
<b>5.2 Rumusan Hasil Kajian</b>	<b>171</b>
5.2.1 Amalan Pengajaran Bahasa Arab Di Dalam Kelas	171
5.2.1.1 Strategi Pengajaran Guru.	171
5.2.1.2 Kaedah Pengajaran Guru	176
5.2.1.3 Kaedah Tatabahasa Terjemahan	177





5.2.1.4 Kaedah Pengulangan	177
5.2.1.5 Kaedah Induktif	178
5.2.2 Masalah Pengajaran	179
5.2.3 Pandangan Pelajar Terhadap Pelaksanaan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Kelas.	180
5.2.4 Penguasaan Kosa Kata Yang Lemah	181
5.2.5 Aktiviti Yang Padat	183
5.2.6 Bahan Bantuan Mengajar	184
5.3 Implikasi Kajian	185
5.4 Cadangan	187
5.5 Kesimpulan	187

**RUJUKAN****SENARAI LAMPIRAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiii

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Kata Penunjuk Pola Dekat Dan Pola Jauh	56
2.2 Partikel relatif (إِسْمُ الْمُوْصُلِ)	56



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiv

## SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka Surat
2.1 Anasir Penting Dalam Pengajaran	24
2.2 Analisis Masalah Pelajar Ketika Membina Ayat Bahasa Arab	40
2.3 Analisis Kelemahan Dan Kesilapan Tatabahasa Ketika Membina Ayat 41	
3.1 Bangunan Sekolah Di Lokasi Kajian	91
3.2 Aktiviti Pengumpulan Data (Adaptasi Creswell,2012)	102



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
XV

## JADUAL TRANSLITERASI

### i) Huruf Konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	Alif	a / ‘
ب	bā’	b
ت	tā’	t
ث	thā’	th
ج	Jīm	j
ح	hā’	ħ
خ	khā’	kh
د	Dāl	d
ذ	Dhāl	dh
ر	rā’	r
ز	Zay	z
س	Sīn	s



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xvi

ش	Syīn	sy
ص	ṣād	ṣ
ض	ḍād	ḍ
ط	ṭā'	ṭ
ظ	ẓā'	ẓ
ع	ayn	'
غ	ghayn	gh
ف	fā'	f
ق	qāf	q
ك	Kāf	k
ل	Lām	l
م	mīm	m
ن	nūn	n
ه	hā'	h



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ه	waw	w
ي	yā'	y
ة	tā' marbūṭah	h

## ii) Huruf Vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	( ﴿ ) fathah	A, a
	( ُ ) dādmmah	U, u
	( ِ ) kasrah	I, i
6832  pustaka.upsi.edu.my Panjang	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBSA, ā 
	و—	Ū, ū
	ي—	ī, ī
Diftong	أو	Aw
	إي	Ay
	إيّ	iy/ī
	أوْ	Uww



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xviii

## SENARAI SINGKATAN

BAK	Bahasa Arab Komunikasi
CAA	Kelas Aliran Agama
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
GKB	Guru Ketua Bidang
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pegawai Pendidikan Daerah
PSRA	Penilaian Sekolah Rendah Agama
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SMA	Sijil Menengah Agama
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMATKKB	Sekolah Agama Kuala Kubu Bharu
SPM	Sijil Pelajaran Menengah
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PDPC	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
KN	Kata Nama
KK	Kata Kerja



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

**1.1**Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini merupakan pengenalan untuk pengkaji menjelaskan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan kerangka teoritikal serta konseptual yang menjadi landasan kajian ini. Seterusnya pengkaji menghuraikan tentang signifikan kajian dijalankan, batasan kajian dan definisi operasional bagi beberapa terminologi utama kajian ini dan diikuti dengan rumusan keseluruhan bab pertama ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang

Manusia dikenali sebagai makhluk yang boleh berkomunikasi. Sarjana ilmu mantik menamakan manusia sebagai *Hayawan an-Natiq* yang bermaksud kehidupan yang boleh bertutur Abd Latif,(2000). Bahasa Arab ialah bahasa yang dipertuturkan oleh lebih kurang 422 juta bangsa Arab di dunia Mohd Saifussaleh, (2002). Ia merupakan salah satu bahasa utama di dunia. Sejak tahun 1973, bahasa Arab telah dinobatkan sebagai salah satu daripada enam bahasa antarabangsa yang rasmi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh itu, penggunaan bahasa Arab semakin melebar dan permintaan untuk mempelajarinya oleh penutur bukanberbangsa Arab semakin meningkat Abd Qadir,(1999).



Malaysia sebagai sebuah negara Islam turut memberi perhatian kepada usaha mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab. Pada tahun 1977, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mewajibkanmata pelajaran bahasa Arab di beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Penubuhan SMKA ini telah dirintis oleh Pengarah Bahagian Agama Kementerian Pelajaran yang pertama Nik Muhyiddin Bin Musa (Mohamad Shafie,1997).

Permintaan untuk memasuki SMKA telah meningkat iaitu 30 peratus setiap tahun kerana SMKA di seluruh Malaysia hanya berjumlah 56 buah. Untuk memenuhi permintaan tersebut KPMtelah mengambil inisiatif dengan membuka Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah harian yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab tidak hanya ditawarkan di sekolah kendalian kerajaan persekutuan sahaja, malahan kerajaan negeri juga telah mewujudkan sekolah





menengah agama yang mempunyai hampir sembilan mata pelajaran tambahan adalah dalam bahasa Arab.

Namun perkara yang mendukacitakan ialah kebanyakan kajian dan penyelidikan yang dijalankan mendapati bahawa pencapaian pelajar dalam penguasaan bahasa Arab, terutamanya dalam kemahiran bertutur dan menulis adalah masih lemah. Antaranya kajian berkaitan dapat dilihat dalam Nor Azizi (1999), Zulkifli (2000), Naimah (2003), Abdul Razak (2004) dan Abdul Rahman (2009).

Pada tahun 1991, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah diperkenalkan. Sukatan pelajaran bahasa Arab yang berdasarkan kurikulum baharu juga telah dilaksanakan di semua SMKA, KAA dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP)



Akta Pendidikan 1996 telah menjelaskan tentang status bahasa Arab di Malaysia sebagai salah satu bahasa asing bersama dengan bahasa Jepun, Jerman, atau Perancis yang boleh ditawarkan di sekolah-sekolah jika didapati munasabah dan praktik dipelajari (JAPIM,2002) dan telah menggariskan bahawa pengajaran bahasa Arab perlu mengikuti prinsip-prinsip berikut, iaitu:

- (a) bahasa yang diajar mestilah bahasa standard yang diterima oleh penutur jati;
- (b) pengajaran bahasa haruslah berdasarkan pengajaran lisan;
- (c) bahan-bahan pengajaran hendaklah sentiasa melalui proses peningkatan;





(d) Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mestilah diisi dengan aktiviti yang terancang sehingga menarik dan bermakna seterusnya melalui penilaian untuk penambahbaikan .

Selaras dengan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh KPM, maka di peringkat awal pengenalan Bahasa Arab Komunikasi (BAK) telah dicadangkan dalam sukatan pelajaran untuk digunakan dalam proses pengajaran bahasa Arab. Ia ini membolehkan pelajar menggunakan bahasa Arab untuk bertutur dan berkomunikasi menggunakan laras bahasa yang sesuai. Hal ini selari dengan penyataan objektif PdPc bahasa Arab Komunikasi yang terkandung dalam sukatan pelajaran bahasa Arab Komunikasi Edisi Semakan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002).



Hasil pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di sekolah menengah adalah untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa dengan memberi perhatian kepada kemahiran bertutur dan menguasai perbendaharaan kata. Pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa bermula dari satu teori yang menganggap bahawa bahasa sebagai alat komunikasi dan objektif akhirnya adalah untuk memperkembangkan kompetensi komunikatif dalam kalangan pelajar (Kamaruddin,1993). Pendekatan komunikatif ini memberi penekanan kepada keupayaan pelajar untuk berkomunikasi dengan melibatkan pengetahuan dan kebolehan berbahasanya. Tegasnya, pengajaran bahasa mestilah merangkumi kompetensi bahasa yang melibatkan penguasaan sistem tatabahasa serta kompetensi berkomunikasi.





Widdowson (1989) berpendapat bahawa mengajar bahasa kedua melibatkan dua aspek, iaitu

- (a) mengajar sistem bahasa secara static.
- (b) mengajar kemahiran menggunakan bahasa secara aktif.

Menurut beliau pengetahuan bahasa terdiri daripada dua aspek iaitu pengetahuan tentang struktur tatabahasa dan pengetahuan tentang cara penggunaan bahasa tersebut dalam situasi yang pelbagai. Seseorang yang hanya mengetahui gaya tatabahasa tetapi tidak dapat mengaplikasikan dalam pertuturan harian sebenarnya belum menguasai bahasa tersebut sepenuhnya. Widdowson (1989) berkata:



*“The learning of a language, then involves acquiring the ability to compose correct sentence. That is one aspect of a matter. But it also involves acquiring an understanding of which sentences, or part of sentences are appropriate in a particular context.” (ms: 63 )*

Pandangan yang dikemukakan oleh Widdowson (1989) di atas menjurus kepada pengajaran bahasa bercirikan dwi komponen, iaitu pengajaran yang menekan kedua-dua aspek pengetahuan bahasa, iaitu tatabahasa dan kecekapan kemahiran berbahasa.

Menurut Arbak Othman (1983:17) dalam Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir (2009) tatabahasa ialah peraturan-peraturan cara perkataan dibentuk dan cara perkataan itu bergabung dengan perkataan-perkataan lain untuk menghasilkan ayat-ayat yang gramatis. Dengan kata lain, mengikut Slamet Muljana (1960:2), tatabahasa





itu komponen terpenting untuk membentuk ayat-ayat, frasa-frasa, kata-kata, morfem-morfem,suku-suku kata yang gramatis dalam sesuatu bahasa. Tegasnya lagi, sepetimana sesebuah negara atau agama memerlukan undang-undang sebagai pedoman dalam menentukan betul atau salahnya sesuatu tindakan dalam hidup bermasyarakat dan beragama, maka demikian juga tatabahasa menjadi pegangan untuk menentukan betul salahnya sesuatu bentuk bahasa yang diucapkan atau dituliskan dalam sesuatu bahasa.

Menurut Muhammad 'Ali al-Khuli (1886) dalam Rosni Samah (2009),proses pembelajaran bahasa tidak boleh tertumpu kepada pengumpulan perbendaharaan perkataan sahaja, tetapi hendaklah diberikan kemahiran gaya penyusunan dan pembinaan ayat yang lengkap. Berpusatkan terhadap perbendaharaan perkataan sahaja, pelajar tidak mampu berkomunikasi kerana mereka hanya menghafaz ayat yang sedia ada dalam teks. Dalam pembinaan ayat, pelajar diajar tentang kaedah membina ayat yang ringkas supaya ayat tersebut boleh digunakan dalam pelbagai situasi dalam komunikasi.

Bahasa mempunyai sistem yang hampir umum bagi semua bahasa, manakala setengah bahasa lagi mempunyai sistem yang khusus menyebabkan ia berlainan sama sekali.Sistem yang umum bagi semua bahasa misalnya melibatkan binaan ayat. Semua bahasa di dunia mempunyai binaan ayat yang sekurang-kurangnya terdiri daripada satu subjek dan satu predikat, (Mohd Ra'in Shaari, 2009).

Namun demikian ayat dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua bahagian yang besar. Pertama ialah ayat yang dimulakan dengan kata kerja. Kedua ialah ayat yang





dimulakan dengan kata nama. Oleh itu, *jumla $\underline{t}$  ismiyyah* dan *jumla $\underline{t}$  fi'liyah* merupakan perkara asas dalam membentuk ayat dalam bahasa Arab. Susunan ayat sebegini tidak ada dalam mana-mana bahasa di dunia melainkan dalam bahasa Arab sahaja. Hal ini menjadikan para pelajar yang mempelajari bahasa Arab tanpa diberi penerangan khusus tentang *jumla $\underline{t}$  ismiyyah* dan *jumla $\underline{t}$  fi'liyah* akan menghadapi kesukaran memahami ayat. Jelaslah bahawa struktur bahasa Melayu dan bahasa Arab amat berbeza. Tidak dinafikan ada persamaan dari beberapa sudut. Namun begitu ianya tidak banyak membantu pelajar menguasai bahasa Arab tanpa mempelajari *jumla $\underline{t}$  ismiyyah* dan *jumla $\underline{t}$  fi'liyah* secara khusus.

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh Zainol (2003), kebanyakan pelajar



menghadapi masalah untuk membezakan pola-pola ayat nama (جملة اسمية) dan pola-

pola ayat kerjaan (جملة فعلية). Bahkan mereka tidak dapat membezakan antara kata nama dan kata kerja. Sudah tentu ini akan menyukarkan mereka mengkonstruksikan leksikal dalam membina sesuatu ayat yang gramatis.

Kekeliruan sering berlaku apabila pelajar mula ingin membina ayat pendek. Kesalahan dari sudut tatabahasa amat jelas kelihatan khususnya apabila ayat itu bermula dengan *jumla $\underline{t}$  fi'liyah*. Contoh, “Pelajar-pelajar pergi ke sekolah” ayat Arabnya yang berlaku ذهبوا التلاميذ إلى المدرسة. Ayat yang betul ialah التلاميذ المدرسة إلى ذهبوا. Ayat yang betul ialah التلاميذ المدرسة إلى ذهبوا.

ذهب إلى





Jassem Ali Jassem (2000) juga telah menyenaraikan kesilapan pelajar ketika membina ayat bahasa Arab, iaitu:

- (a) menggunakan kata kerja yang telah lalu untuk kata kerja sedang
- (b) menggunakan kata kerja sedang untuk kata kerja yang telah lalu,
- (c) menggunakan partikel ةٰ dan partikel لٰ.

Melalui kurikulum semakan baharu Bahasa Arab (2009), Bahasa Arab Komunikasi atau ringkasannya BAK telah ditukar kepada Bahasa Arab. Sukatan baharu ini ada memberi sedikit penekanan berkaitan dengan tatabahasa Arab. Oleh itu, pengkaji merasakan bertanggungjawab untuk membantu dalam mencari jalan keluar bagi menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh para pelajar. Daripada kajian yang telah dijalankan, daptati bahawa penguasaan aspek tatabahasa bahasa Arab amat penting supaya pelajar mahir membuat ayat yang gramatis sama adadalam berkomunikasi secara lisan ataupun tulisan.



### 1.3 Penyataan Masalah

Pelbagai kajian telah mendapati kelemahan pelajar bahasa Arab di SMKA dan KAA walaupun ianya telah dipelajari oleh mereka sejak dari tingkatan satu hingga ke tingkatan lima, terutama dalam aspek pembinaan ayat (بناء الجملة) mengikut struktur

nahu yang betul. (Naimah, 2003)





Zainol (2003), Che Radiah (2006) dan Abdul Rahman (2009) mendapati bahawa fenomena ini berlaku kerana kurangnya penekanan aspek tatabahasa semasa pembelajaran bahasa Arab di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Usaha dan tumpuan terhadap kemahiran komunikasi telah mengabaikan suatu aspek yang penting iaitu kemahiran tatabahasa. Hal ini demikian kerana dasar dan prinsip KPM yang telah ditetapkan sehingga guru-guru terikat dengan kurikulum bahasa Arab yang menekankan kemahiran bertutur lebih daripada kemahiran-kemahiran yang lain, iaitu kemahiran mendengar, membaca dan menulis.

Zulkifli (2000) telah menyatakan dengan jelas bahawa guru tidak mempunyai ruang yang cukup untuk menekankan aspek kemahiran tatabahasa dan membina ayat dalam pengajaran bahasa Arab di peringkat menengah rendah kerana fokus mereka kepada kemahiran bertutur semasa mengajar bahasa Arab Komunikasi. Sedangkan komunikasi lisan juga amat memerlukan kemahiran tatabahasa agar ayat yang terbina mampu menyampaikan maklumat yang lebih jelas dan bermakna.

Komunikasi tidak akan berlaku dengan jayanya tanpa syarat-syarat berikut:

(a) penutur harus mengetahui dan memahami sistem atau peraturan gaya bahasa (التراتيبيّة اللّغويّة) yang dipelajari di samping berlatih menggunakaninya.

(b) penutur harus menguasai pertandahanan perkataan (المفردات) yang

mencukupi bagi menggambarkan buah fikiran dan perasaannya dalam pelbagai situasi.

